


# Pertahan kedaulatan negara – Tuanku Mizan

UM - 19/6/2007



SHAH ALAM 18 Jun - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin mahu rakyat memainkan peranan aktif dalam mempertahankan negara daripada sebarang ancaman yang boleh menggugat keamanan.

Titah Seri Paduka, tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara tidak hanya terletak pada bahu pasukan keselamatan semata-mata.

Sebaliknya Tuanku Mizan menegaskan usaha tersebut adalah tanggungjawab yang perlu disokong oleh semua pihak.

“Kita sedia maklum bahawa isu-isu keselamatan termasuk di peringkat global memerlukan setiap warganegara bersiap sedia menghadapi kemungkinan yang boleh membawa ancaman kepada negara.

“Oleh itu, seluruh rakyat perlu memahami tanggungjawab dalam mempertahankan negara kerana sumbangan positif akan membantu memastikan kemakmuran negara sentiasa kekal,” titah Seri Paduka.

**TUANKU Mizan Zainal Abidin menyampaikan anugerah Kadet Terbaik Palapes Laut kepada satu-satunya pegawai kadet bukan Melayu, Tan Li Meng pada Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Palapes Institusi Pengajian Tinggi Awam Ke-26 di Shah Alam, semalam.**

Tuanku Mizan bertitah demikian ketika merasmikan Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Ke-26 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), di sini hari ini.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal dan Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Ibrahim Abu Shah.

Dalam istiadat tersebut, sebanyak 1,060 pelajar dari 11 IPTA seluruh negara menerima watak masing-masing dalam pasukan simpanan Angkatan Tentera Malaysia itu yang meliputi sayap darat, laut dan udara.

Kesemua pelajar dianugerahkan dengan pangkat leftenan muda dengan 22 orang menerima anugerah pegawai kadet terbaik Palapes mengikut IPTA masing-masing.

Dalam pada itu, Tuanku Mizan turut meminta program Palapes dimantapkan bagi melahirkan pelajar IPTA yang lebih berdisiplin dan bersahsiah tinggi.

Seri Paduka bertitah dengan adanya usaha tersebut, negara mampu melahirkan graduan yang berkualiti.

Ini kerana, titah Tuanku Mizan, program tersebut dapat memberi nilai tambah kepada graduan bukan hanya cemerlang dalam akademik tetapi mempunyai semangat patriotik dalam membangunkan bangsa dan negara.